

# KEGIGIHAN, DOA, BAKTI KEPADA IBU BAPA

## KENAL DIA

Rashidah Ibrahim

wanitametro@hmetro.com.my

Mengabdikan diri selama lebih 30 tahun dalam bidang keusahawanan dan perniagaan hal ehwal kecantikan serta kesejahteraan diri, Fatimah Sham, 59, dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat oleh Kolej Universiti Geomatika, Kuala Lumpur pada 3 Disember 2016.

Anugerah itu disampaikan mengambil kira sumbangan berterusan dalam bidang Kosmetologi dan Kesihatan.


Minatnya dalam pengendalian perniagaan dan penghasilan produk bermula sejak bertugas sebagai guru pada 1980-

an. Demi minat itu juga dia mengambil keputusan bersara awal, selepas 20 tahun mengajar.

"Saya ambil keputusan berhenti agar dapat memberi tumpuan kepada perniagaan selain memenuhi azam untuk menghasilkan produk sendiri," ujarnya ketika ditemui di galeri kecantikan Pesona Beauty Shoppe di Kompleks PKNS Shah Alam.

Menurut Fatimah, dia mula membuka butik di situ sejak 1987, menjual produk kecantikan dari negara seberang yang popular ketika itu.

"Saya mengagumi kejayaan pengasasnya dan menyoal diri sendiri, jika dia dari kalangan orang biasa-biasa boleh berjaya, dapat ratusan ribu ringgit sebulan, takkan saya



FATIMAH (kanan) di hadapan kilang kosmetik miliknya.



FATIMAH bersama anak sulung, Nur Fariza Tukiman yang banyak menerima ilmu daripadanya.

berkelulusan tinggi tidak boleh? Ini mendorong saya terus berusaha sehingga berjaya menghasilkan produk sendiri, dengan label Pesona," ceritanya yang kini mempunyai kilang kosmetik bertaraf GMP. Lesen itu membolehkan semua produknya didaftarkan dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Ilmu mengenai pembuatan produk saya peroleh dengan mengikuti kursus pembuatan di SIRIM, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan MARDI. Tidak cukup dengan tunjuk ajar pakar tempatan, saya turut menimba ilmu daripada pakar kosmetik Korea, Perancis dan Itali," ujarnya yang pada masa sama aktif dalam bidang spa dan kecantikan.

Menurut Fatimah lagi, demi melengkapkan diri di bidang berkenaan, dia turut berusaha menyertai kursus di dalam mahupun luar negara antaranya Thailand dan Indonesia. Penambahan ilmu itu membolehkannya mempelbagaikan produk

dari semasa ke semasa.

"Sehingga kini tidak kurang daripada 50 produk kecantikan dan kesejahteraan diri dikeluarkan. Saya juga membuka kilang makanan, kerepek ubi, pisang dan keropok ikan di Kompleks Industri Mara (KIMAR) Batu Caves, Kuala Lumpur.

"Ilmu pembuatan kerepek dan keropok saya peroleh menerusi latihan sangkut di MARDI Kuala Terengganu dan MARDI Kepala Batas, di samping turut diberi latihan membuat beraneka jenis biskut," ujarnya lagi.

Lebih menarik lagi katanya, kilang makanan itu mendapat sijil penting seperti GMP, Halal dan Mesti. Kini pihaknya dalam proses mendapatkan sijil HACCP dan ISO 22000. Sijil itu sangat penting untuk membolehkan produknya dipasarkan ke luar negara terutama Jepun dan Eropah.

Walau sibuk, Fatimah tetap meluangkan masa untuk kegiatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), menyandang pelbagai jawatan penting, antaranya

Presiden Persatuan Aromaterapi Malaysia, Ahli Kehormat Mabespa, Persatuan Kecantikan dan Spa Bumiputera di samping sebagai mantan Timbalan Pengerusi Puspanita dan Pengerusi Persatuan Pandu Puteri Hulu Selangor, antara jasa dan sumbangannya kepada masyarakat yang diambil kira untuk dianugerahkan Ijazah Kehormat.

Namun akuinya, dia pernah mengurangkan pembabitan dalam bidang perniagaan untuk memberi tumpuan kepada anak dan baru tahun ini bergiat aktif semula.

"Saya ingin pastikan semua anak berjaya dalam pelajaran mahupun kehidupan, oleh itu saya rela kurangkan kegiatan seketika," ujarnya sambil menambah kini semua anaknya sudah besar dan berada di peringkat pengajian tinggi meliputi ijazah, ijazah lanjutan, sarjana dan kedoktoran falsafah.

"Masing-masing sudah faham dan tahu tanggungjawab. Tugas saya